

# Siti Norma dilantik Presiden CMJA

BH - 23/9/2006

PUTRAJAYA: Hakim Besar Malaya, Tan Sri Siti Norma Yaakob (**gambar**) muncul rakyat Malaysia pertama dilantik sebagai Presiden Persatuan Majistret dan Hakim Komanwel (CMJA).

Dengan pelantikan itu, Siti Norma diberikan penghormatan menjawat jawatan tertinggi dalam persatuan antarabangsa itu ketika persidangannya di Toronto, Kanada, baru-baru ini.

Hakim Besar itu akan memegang jawatan presiden sehingga pemilihan persatuan itu pada 2009.

Difahamkan persatuan itu, yang awalnya didaftarkan di United Kingdom sebagai Persatuan Majistret Komanwel pada 1970, mencalonkan Malaysia untuk menjadi tuan rumah persidangan dalam masa tiga tahun akan datang.

Bagaimanapun, acara akan datang itu, sekiranya diadakan, akan menjadi yang pertama diadakan di Asia dan tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

Tanggungjawab Siti Norma sebagai presiden ialah memantau aktiviti persatuan itu untuk menanamkan tanggungjawab kepada anggotanya bahawa latihan dan kursus ulang kaji penting bagi semua pegawai kehakiman, majistret dan hakim.

Walaupun, akan bersara daripada badan kehakiman pada 5 Januari tahun depan, Siti Norma kekal sebagai presiden kerana persatuan itu ada ramai anggota majlis

kedua saya dalam perkhidmatan awam selepas bertugas sebagai Penolong Setiausaha Kewangan di Kementerian yang sama," katanya.

Pada tahun akhir perkhidmatannya selama 35 tahun, Ambrin bertugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran di bawah Hisham-

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA